

## **BAB TIGA : KAE DAH PENYELIDIKAN**

### **3.0 Pendahuluan**

Bab ini membincangkan kaedah penyelidikan yang diguna pakai bagi menjayakan penyelidikan ini. Antara aspek yang disentuh ialah prosedur penyelidikan, reka bentuk kajian yang digunakan, kaedah pengumpulan data, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan, prosedur dan kaedah analisis data.

### **3.1 Prosedur Penyelidikan**

Bagi menjayakan penyelidikan ini, penulis telah memilih Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (SMKAKL) sebagai tempat untuk memungut data. Dalam usaha mengumpul data, seramai 7 orang guru Bahasa Arab dari sekolah tersebut dipilih sebagai sampel kajian dan 30 orang pelajar terdiri daripada pelajar Tingkatan Tiga sebagai sampel pelajar. Penulis telahpun melakukan tinjauan awal terhadap sampel dan mengadakan kajian rintis kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur bagi mengenal pasti tahap kesukaran kandungan borang soal selidik. Sampel kajian rintis tidak menghadapi kesukaran dalam memahami kandungan borang soal selidik. Sampel kajian dikehendaki menjawab kesemua soalan borang soal selidik. Mereka juga diberi taklimat ringkas berkenaan dengan tujuan penyelidikan dan cara menjawab soalan.

Setelah dijawab, borang soal selidik tersebut dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan sistem SPSS vision 5.0. Analisis ini mengambil kira skala kekerapan peratus tertinggi. Hasil kajian dibentangkan mengikut peratus kekerapan bagi setiap soalan. Ia mengambil kira latar belakang sampel, pandangan umum terhadap bahasa Arab, persepsi umum terhadap pengajaran kosa kata Arab dan kaedah pengajaran kosa kata.

### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini bertujuan mendapatkan gambaran sebenar pendekatan pengajaran kosa kata Arab kepada pelajar Tingkatan Tiga dan penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar. Ia dirangka dengan menggunakan reka bentuk gabungan yang merangkumi pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif menggunakan reka bentuk deskriptif tinjauan. Penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menggambarkan dan menerangkan sesuatu fenomena yang berlaku. Ia memberi gambaran bagi pemboleh ubah yang ingin dicerap dengan menggunakan petunjuk statistik bagi melihat taburan dan bentuk pola serta kecenderungan data. Dua set instrumen digunakan bagi mengenal pasti permasalahan tersebut dari kalangan guru dan juga pelajar. Instrumen guru dibahagikan kepada enam bahagian utama yang terdiri daripada latar belakang responden, pendekatan pemilihan kosa kata, pendekatan menterjemah kosa kata, pendekatan menerang makna kosa kata, pendekatan pengukuhan kosa kata dan pendekatan penggunaan kosa kata. Bahagian pelajar pula dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Pertama makluman peribadi, keduanya tentang strategi yang terdiri daripada strategi memori, strategi kognitif, strategi kompensasi, strategi metakognitif, strategi afektif dan strategi sosial, manakala yang ketiganya tentang pencapaian kosa kata di mana petikannya telah diambil daripada Buku Teks Bahasa Arab Tingkatan Dua (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) terbitan Aras Mega Sdn. Bhd.

Reka bentuk kualitatif pula digunakan untuk mencerap data daripada soalan terbuka. Ia dapat memberi maklumat mendalam berhubung fenomena yang dikaji dan bersesuaian untuk mendapatkan gambaran sebenar berhubung pemboleh ubah yang telah ditetapkan. Penggunaannya juga membolehkan pembinaan konsep dan pemahaman yang

diperlukan untuk membuat penilaian dan memberi cadangan berhubung permasalahan yang dikaji.

### **3.3 Kaedah Pengumpulan Data**

Bagi menjayakan kajian ini, penulis menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Data yang diperolehi untuk kajian ini adalah hasil daripada pengumpulan data dari sumber primer, iaitu borang soal selidik dan sumber sekunder seperti bahan rujukan bertulis yang diperolehi melalui kajian perpustakaan. Kaedah ini membolehkan penulis merujuk dengan lebih mendalam berhubung dengan pendekatan pengajaran kosa kata melalui bahan-bahan ilmiah bercetak seperti buku, jurnal, tesis, majalah, kertas kerja dan konvensyen yang berkaitan secara langsung dengan bidang kajian. Melalui kaedah ini juga membolehkan penulis memahami cara dan juga kaedah pengajaran kosa kata dan menghuraikannya dengan lebih terperinci dan jelas. Melalui bahan-bahan cetak ini, penulis membentangkan beberapa pendekatan pengajaran kosa kata dalam bab dua.

#### **3.3.1 Instrumen Kajian**

Bagi mendapatkan data, kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Ia diedarkan kepada sampel guru dan pelajar seperti di atas. Dua set borang soal selidik telah disediakan bagi mencari jawapan untuk permasalahan kajian.

Set pertama disediakan untuk guru dan dibahagikan kepada 6 bahagian utama seperti di bawah:

Bahagian A: Maklumat Peribadi

Bahagian B: Pemilihan Perkataan.

Bahagian C: Menterjemah Perkataan.

Bahagian D: Penerangan Makna Perkataan.

Bahagian E: Pengukuhan Perkataan.

Bahagian F: Penggunaan Perkataan.

Bahagian A perlu dijawab oleh responden dengan menandakan jawapan pada ruangan yang bersesuaian dengan mereka. Baki 5 bahagian lagi, responden perlu menandakan jawapan yang bersesuaian mengikut skala yang diberikan seperti di bawah:

Jadual 3.1 : Jadual Penerangan Skala

	<b>PERKARA</b>	<b>PENERANGAN</b>	<b>SKALA</b>
a	Amat tidak setuju	Perkara yang anda tidak pernah lakukan	1
b	Tidak setuju	Perkara yang anda tidak lakukan dan boleh dilakukan	2
c	Tidak pasti	Anda tidak pasti dengan perkara tersebut	3
d	Setuju	Perkara yang selalu anda lakukan	4
e	Sangat setuju	Perkara yang anda sentiasa lakukan	5

Set kedua ialah borang soal selidik yang disediakan untuk pelajar. Ia mengandungi 8 bahagian yang terdiri daripada:

Bahagian A: Maklumat Peribadi

Bahagian B: Tentang Strategi Memori

Bahagian C: Tentang Strategi Kognitif

Bahagian D: Tentang Strategi Kompensasi

Bahagian E: Tentang Strategi Metakognitif

Bahagian F: Tentang Strategi Afektif

Bahagian G: Strategi Sosial

Bahagian H: Soalan Mengukur Tahap Penguasaan Kosa Kata

Setiap soalan hendaklah dijawab mengikut skala yang diberikan seperti di bawah:

Jadual 3.2 : Jadual Penerangan Skala

	<b>PERKARA</b>	<b>SKALA</b>
a	Sama sekali tidak berkenaan dengan saya	1
b	Sedikit berkenaan dengan saya	2
c	Tidak pasti	3
d	Berkenaan dengan saya	4
e	Amat berkenaan dengan saya	5

### 3.3.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Bagi mendapatkan kesahan muka dan kesahan kandungan instrumen, beberapa siri bengkel pembinaan dan pemurnian instrumen telah diadakan, melibatkan guru-guru Bahasa Arab yang berkaitan secara langsung dengan pengajaran bahasa Arab. Instrumen yang dibina itu diukur kesahan kandungannya melalui maklum balas daripada kajian rintis yang dijalankan di sekolah tersebut kepada 20 responden sebelum kajian sebenar dijalankan. Ia bertujuan bagi memastikan kesesuaian makna dan maksud setiap soalan bagi

setiap item dalam mengukur pemboleh ubah yang ditetapkan. Kesahan konstruk instrumen ditentukan dalam kajian sebenar melalui analisis faktor.

Bahagian guru seperti di bawah:

Jadual 3.3 : Jadual Alpha Cronbach Terlaras ( Bahagian Guru )

<b>BIL.</b>	<b>PEMBAHAGIAN ITEM</b>	<b>BIL. ITEM SOALAN</b>	<b>ALPHA CRONBACH TERLARAS</b>
1	A	8	0.682
2	B	4	0.363
3	C	16	0.932
4	D	10	0.718
5	E	4	0.907
6	F	12	0.712

Bahagian pelajar pula seperti berikut:

Jadual 3.4 : Jadual Alpha Cronbach Terlaras ( Bahagian Pelajar )

<b>BIL.</b>	<b>PEMBAHAGIAN ITEM</b>	<b>BIL. ITEM SOALAN</b>	<b>ALPHA CRONBACH TERLARAS</b>
1	A	10	0.118
2	B	8	0.425
3	C	14	0.482
4	D	6	0.109
5	E	9	0.561
6	F	6	0.014
7	G	6	0.438
8	H	20	0.682

### **3.3.3 Prosedur Analisis Data**

Analisis data kajian ini dilakukan secara analisis kekerapan. Ia digunakan bagi mengetahui dan menentukan kekerapan ketetapan pendekatan pengajaran kosa kata. Pendekatan tersebut dikira berdasarkan skala jawapan yang diberikan oleh responden.

Bagi mendapatkan kesimpulan atau hasil kajian, penulis menganalisis segala data yang telah terkumpul. Segala data yang diperolehi dianalisis berasaskan dua sumber, iaitu primer dan sekunder. Sumber primari ialah sumber yang ada kaitan langsung dengan permasalahan dikaji seperti laporan, autobiografi, temu bual, tesis dan karya asal penulis. Sumber sekunder pula ialah sumber yang ada perantaraan di antara keadaan atau pengalaman yang dikaji seperti ulasan, makalah dan juga buku-buku ilmiah (Idris Awang 2001:75). Dalam menganalisis data kajian, penulis telah menggunakan tiga metod seperti di bawah:

#### **3.3.3.1 Metod Induktif**

Metod Induktif digunakan oleh penulis dengan cara mengumpulkan maklumat secara berterusan bagi menjelaskan masalah yang dikaji. Seterusnya penulis mencari hubungan antara fakta-fakta atau keterangan yang terkumpul untuk membentuk satu gagasan pemikiran. Penulis telah menggunakan metod ini dalam bab ketiga bagi menjelaskan tentang segala maklumat yang berkaitan dengan pendekatan pengajaran kosa kata.

#### **3.3.3.2 Metod Deduktif**

Metod Deduktif digunakan oleh penulis dalam menghuraikan segala pendekatan yang digunakan dalam pengajaran kosa kata dengan mengambil kira skala jawapan yang diberikan oleh responden. Perkara ini dihuraikan secara menyeluruh dengan berlandaskan

kepada pengalaman guru-guru dalam melaksanakan aktiviti dan pendekatan yang dikemukakan. Penulis telah menghuraikan segala pendekatan yang terbatas kepada pelajar Tingkatan Tiga di sekolah sampel sahaja. Kesimpulan yang diperolehi daripada kaedah ini dapat mewakili pendekatan pengajaran kosa kata untuk pelajar Bahasa Arab amnya.

### **3.3.3.3 Metod Komparatif**

Penulis membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap segala data dan fakta yang diperolehi. Segala data yang diperolehi melalui kajian rintis dikaji dan dibuat perbandingan dengan pengalaman guru-guru bagi mendapatkan kesimpulan dan hasil kajian. Penulis menggunakan metod ini ketika membandingkan pendekatan yang digunakan oleh guru-guru dalam pengajaran kosa kata.

## **3.4 Penutup**

Bab ini berjaya mengemukakan reka bentuk kajian yang digunakan bagi mengumpul data yang diperlukan, sampel kajian yang terdiri daripada sekolah yang dipilih, masyarakat dan latar belakang responden, instrumen kajian yang terdiri daripada borang soal selidik dan pembahagiannya, peratusan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian, prosedur pengumpulan data dan kaedah analisis data yang menggabungkan antara metod Induktif, metod Deduktif dan metod Komparatif.